

Rumah penduduk sembilan kampung ditenggelami air akibat limpahan Sungai Ketil

Baling dilanda banjir kali kedua

Oleh NORLIA RAMLI

BALING – Lebih 300 penduduk di sembilan buah kampung di daerah ini terjejas selepas rumah mereka ditenggelami banjir buat kali kedua akibat limpahan Sungai Ketil berikutan hujan lebat selama lebih dua jam petang kelmarin.

Antara kampung yang terlibat ialah Kampung Surau, Kampung Baru, Kampung Tanjung, Kampung Sri Ketangga, Tanjung Pari, Kampung Lahar dan Kampung Bonggol Derum.

Daripada jumlah penduduk tersebut, sebanyak 130 penduduk daripada 130 keluarga ditempatkan di enam pusat pemindahan.

Pusat pemindahan yang dibuka sehingga pukul 5.30 petang semalam ialah Dewan RISDA Kampung Tanjung, Surau Kam-

pung Sri Ketangga, Dewan Bonggol Derum, Dewan Rumah Mesra Rakyat, Dewan Charok Sikan dan Dewan Batu 48.

Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat Baling, Shamsul Izrin Isahak berkata, banjir tersebut berlaku disebabkan hujan berterusan selama dua jam sejak pukul 6 petang kelmarin sehingga mengakibatkan air Sungai Ketil melimpah.

“Petang ini (semalam), berlaku hujan lebat di kawasan terlibat dan dijangka beberapa mangsa banjir yang telah pulang ke rumah masing-masing kerana air semakin surut akan berpindah semula ke pusat pemindahan,” katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Kata beliau, makanan dan barang keperluan lain telah disalurkan kepada mangsa-mangsa banjir terlibat.

Sementara itu, seorang warga

emas yang merupakan orang kelainan upaya (OKU) warga emas, Kamal Mohd Ali, 69, dari Kampung Lahar dikatakan enggan keluar dari rumah meskipun banjir sudah sampai pada paras pinggang.

Adiknya, Aishah Ghazali, 55, berkata, Kamal yang mengalami kecacatan fizikal enggan berpindah ke pusat pemindahan kerana lebih gemar menyendiri.

“Puas saya dan anak-anak memujuknya untuk mengikut kami berpindah ke dewan berdekatan tetapi gagal sehinggalah anggota polis dan Jabatan Pertahanan Awam tiba untuk menyelamatkan kami,” katanya.

Tambah Aishah, sebelum ini telah berlaku lima kali banjir dan kejadian kali ini didapati lebih teruk berbanding banjir beberapa hari lalu.

Kosmo! pada 8 November lalu melaporkan lebih 1,000 penduduk



ANGGOTA bomba memindahkan mangsa banjir kali kedua di Kampung Batu 60, Tanjung Pari, Baling kelmarin.

di 18 buah kampung di Mukim Siong, Bongor, Pulau dan Kupang terjejas apabila rumah mereka dinaiki air lebih satu meter akibat limpahan Sungai Ketil. Antara

kampung terlibat ialah Kampung Batu 60, Bukit Sebelah, Paya Siput, Chenerai, Kampung Kota Mukim, Kampung Bonggol Derum dan Kampung Lahar.